

**NO. SOALAN: 254**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]**

**RUJUKAN : 10106**

**SOALAN :**

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Balai Polis Ayer Tawar di Daerah Manjung, Perak yang telah dirancang untuk dibina semula akan bermula.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Sehingga kini, tiada cadangan daripada pihak Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak untuk membina semula Balai Polis ini kerana keutamaan projek pada masa ini adalah untuk kerja-kerja menaik taraf premis/kompleks PDRM yang sangat uzur dan tidak ekonomik untuk dibaik pulih.**

SOALAN NO: 255

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB. DATO' NGEH KOO HAM**  
**KAWASAN : BERUAS**

**SOALAN:**

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah jumlah yang diperuntukkan untuk penyelenggaraan jalan - jalan Persekutuan dan jumlah yang diperuntukkan untuk pembinaan jalan-jalan baru di Perak bagi tahun 2013 hingga sekarang. Nyatakan jumlah yang diminta oleh Kerajaan Negeri untuk penyelenggaraan jalan-jalan Persekutuan dan pembinaan jalan-jalan baru bagi tahun-tahun tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di- Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi tempoh dari tahun 2013 hingga 2017 Kementerian Kerja Raya telah memperuntukan sebanyak **RM1.57 bilion** bagi tujuan membina dan menaik taraf Jalan-Jalan Persekutuan di Negeri Perak.

Manakala bagi maksud penyelenggaraan Jalan-Jalan Persekutuan di Negeri Perak pula, Kementerian Kerja Raya telah memperuntukkan secara keseluruhan sebanyak **RM385.5 juta** sehingga bulan Jun 2017 sahaja.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 256

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]  
TARIKH :  
SOALAN : 256**

**YB Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan kedudukan pembinaan Hospital Seri Iskandar di Perak.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Projek pembinaan Hospital Seri Iskandar, Perak telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) RP 4 dengan kos RM 120 juta. Projek ini akan menggunakan Pelan Piawai (PAP) berdasarkan rekabentuk Hospital Parit Buntar (76 katil) di mana rekabentuk projek sedang dimuktamadkan oleh JKR.

## SOALAN ( 257 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DR. LEE BOON CHYE  
[ GOPENG ]**

**SOALAN :**

**YB DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan pembangunan setiap tahun sejak 2008 di Kawasan Parlimen Gopeng.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan sebanyak RM11.4 juta (tahun 2008) dan RM8.1 juta dalam tahun 2009 telah disediakan untuk tujuan pembangunan bagi Parlimen Gopeng. Bagi Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) (2011 – 2015) pula, peruntukan sebanyak RM77.2 juta telah disediakan. Momentum pembangunan di kawasan Parlimen Gopeng diteruskan dalam RMKe-11 (2016 – 2017) di mana peruntukan sebanyak RM8.3 juta telah disediakan bagi tahun 2016 dan peruntukan sebanyak RM13.3 juta dalam tahun 2017.

Sekian, terima kasih.

7 Ogos 2017